SIARAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK JALAN LUAR BANDAR (JALB) ANTARA JKR DAN KKDW

Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) menyerahkan tiga projek pembinaan Jalan Luar Bandar (JALB) iaitu Jalan Nipah, Jalan Tali Air 13 dan Jalan Peket 100 Sabak Bernam, kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) hari ini.

Majlis penyerahan projek disempurnakan oleh Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah dengan dihadiri oleh wakil-wakil dari agensi kerajaan, pihak kontraktor, dan komuniti setempat.

Projek yang telah siap sepenuhnya lebih awal mengikut jadual ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk meningkatkan rangkaian infrastruktur jalan raya demi kesejahteraan rakyat.

Projek ini melibatkan pembinaan jalan sepanjang 8.1km. Jalan Baharu penghubung kampung ini dijangka memberi manfaat kepada penduduk kampung setempat, termasuk mempercepatkan perjalanan harian dan menyokong perkembangan ekonomi setempat.

Projek ini mencerminkan komitmen KKDW dalam menyediakan infrastruktur berkualiti tinggi dan usaha JKR menyiapkan projek lebih awal sebagai pemangkin kepada pembangunan kawasan ini.

Aspek keselamatan dan kelestarian turut diberi perhatian utama JKR dalam memastikan penggunaan bahan mesra alam serta pematuhan penuh kepada garis panduan keselamatan dan teknikal.

Dengan penyerahan rasmi projek ini, Kementerian berharap ia memberi impak positif kepada komuniti serta menyumbang kepada kemajuan negara.

-TAMAT-

#MalaysiaMADANI
JKR SABAK BERNAM
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH